Syarat Kelayakan :

(i) Penilaian Menengah Rendah/Sijil Rendah Pelajaran atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; ***ATAU***

(ii) Bekas Konstabel Polis Diraja Malaysia atau Prebet Angkatan Tentera Malaysia yang telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik;

(iii) Mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti yang berikut :

(a) tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa bersepatu;
(b) berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki dan 46kg bagi wanita;
(c) mempunyai ukuran dada yang biasa sekurang-kurangnya 79sm dan semasa menarik nafas 84sm (**lelaki sahaja**);
(d) lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V/6/9 tanpa menggunakan cermin mata; ***DAN***
(e) pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat. ***DAN***

(iv) Calon yang memiliki kelayakan di perenggan (i) di atas hendaklah lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu pada peringkat Penilaian Menengah Rendah/Sijil Rendah Pelajaran atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

CARA MEMOHON

(i) Borang permohonan boleh didapati daripada **Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar, Universiti Utara Malaysia** dengan mengemukakan sampul surat berukuran 26cm x 34cm beralamat sendiri dan bersetem RM1.00 atau datang mengambilnya sendiri di **Kaunter Jabatan Pendaftar, UUM** dengan bayaran sebanyak **RM 5.00** yang boleh dibayar di **Kaunter Bendahari, UUM** atau dalam bentuk **Wang Pos**, dibayar atas nama **'BENDAHARI UUM'.**

(ii) Pemohon-pemohon yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan/Badan Berkanun dan Kuasa-kuasa Tempatan hendaklah memajukan borang permohonan mereka melalui Ketua Jabatan masing-masing dengan melampirkan Laporan Penilaian Prestasi dan Kenyataan Perkhidmatan yang terkini. Permohonan yang tidak lengkap tidak akan dilayan.

(iii) Sila catatkan nama jawatan yang hendak dipohon pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat semasa memohon dan menghantar borang.

(iv) Borang yang telah lengkap diisi beserta salinan sijil-sijil yang telah **disahkan** hendaklah dikemukakan kepada :

Pendaftar
Universiti Utara Malaysia
06010 UUM Sintok
Kedah Darul Aman
(u.p. : Bahagian Pengurusan Sumber Manusia)
Tel : 04-928 3864/4131

(v) Tarikh tutup iklan : ***02 Mei 2012 (Rabu)***

JABATAN PENDAFTAR
Universiti Utara Malaysia
Tel : 04-9283021/3043
Fax : 04-9283046
e-mail : pendaftar@uum.edu.my